



**BAHAGIAN III**  
**UCAPAN**  
**PENGGULUNGAN**



# **DEWAN RAKYAT**

**UCAPAN PENGGULUNGAN  
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN  
TAHUN 2016 PERINGKAT DASAR**



**UCAPAN PENGGULUNGAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN  
TAHUN 2016 PERINGKAT DASAR DI DEWAN RAKYAT OLEH  
YB DATO' SERI IDRIS BIN JUSOH  
MENTERI PENDIDIKAN TINGGI**

**4 NOVEMBER 2015**

**Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Seri Haji Idris Jusoh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucapkan terima kasih kepada 31 orang Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan bajet untuk Kementerian Pendidikan Tinggi. Saya menyanjung pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang telah diberi oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat dan kita akan mengambil dengan cara yang positif.

Kita lihat yang utama yang ditanyakan dalam peruntukan bajet Kementerian Pendidikan Tinggi oleh Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Taiping, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Kuala Terengganu, Yang Berhormat Bayan Baru dan Yang Berhormat Kuala Langat ialah berhubung dengan pengurangan bajet. Adakah ia akan memberi kesan kepada kementerian. Sebenarnya ini tidak menjadi satu perkara yang mengejutkan kepada Kementerian kerana jelas kita tahu bahawa pergantungan universiti awam kepada kerajaan begitu tinggi sekali. Sekarang, kebergantungan universiti awam kepada kerajaan di antara 75% sehingga 95%. Jika dibandingkan dengan UK dan US yang kebergantungannya hanya peringkat 30% hingga 40% sahaja. Thammasat Universiti di Thailand, jiran kita, kebergantungannya hanya 30%. Sebab itu dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) ataupun dalam Lonjakan Kelima *Blueprint* Kementerian Pendidikan Tinggi dalam Kemampuan Kewangan memang telah dijelaskan agar universiti awam kita harus lebih perlu mengurangkan kebergantungan mereka kepada kerajaan. Dengan ini ada beberapa perkara yang sebagaimana yang ditanya oleh Yang Berhormat Kulai, Yang Berhormat Lembah Pantai. Apakah yang akan dilaksanakan oleh universiti untuk memastikan mereka mempunyai peruntukan bajet yang mencukupi?

Antaranya ialah memastikan mereka meningkatkan produktiviti di universiti itu sendiri. Antara cara-cara untuk meningkatkan produktiviti ialah dengan meningkatkan *graduate on time* iaitu agar graduan-graduan kita mendapat ijazah mereka dalam masa tertentu. Jikalau ijazah mereka empat tahun, mereka bergraduat dalam masa empat tahun. Jadi, ini mengurangkan bebanan kepada kerajaan. Juga dengan pengenalan *massive open online courses* ataupun kita panggil sekarang MOOCs iaitu di mana kita banyak menggunakan pembelajaran *online*. Seterusnya ialah dengan meningkatkan kecekapan kita, menjimatkan penggunaan utiliti dan menjimatkan apa juga perkara yang perlu diijimatkan. Seterusnya ialah untuk meningkatkan dana pendapatan universiti. Kalau kita lihat di universiti kita bahawa *commercialization of ideas* perlu ditingkatkan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang perundingan, dalam bidang penyelidikan dan juga untuk memaksimumkan potensi aset.

Kita lihat ada beberapa universiti awam kita letaknya dalam keadaan aset yang begitu baik sekali yang mana jika aset itu digunakan sepenuhnya, ia akan mendatangkan pendapatan yang lumayan kepada mereka. Ada juga yang bertanya tentang bajet penyelidikan. Sebenarnya, untuk bajet penyelidikan yang diberi kepada universiti adalah RM476 juta, kurang RM6 juta sahaja daripada tahun dahulu. Saya akan pastikan kementerian akan menambah pengurangan RM6 juta itu agar bajet penyelidikan ini tidak akan dikurangkan langsung. Yang Berhormat Kuala Krai juga bertanya tentang cadangan agar alumni sumbang dana kepada universiti dan ia juga kita alu-alukan. Kerajaan melalui seksyen 44(6), Akta Cukai Pendapatan 1967 memang memberi pelepasan cukai tidak melebihi 7% kepada individu dan juga 10% kepada syarikat.

Apa yang berlaku pada kali ini merupakan satu norma baru dalam kedudukan dikatakan *frugal economy* ini di mana kita melihat agar kemampanan ataupun *sustainability* universiti kita akan diteruskan. Ini kerana kita lihat apa yang berlaku ini bukan satu perkara yang asing bagi kita. Yang dalam kategori kedua ada yang bertanya tentang *ranking* universiti.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Menteri, sebelum masuk ke perkara kedua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada dua yang bangun. Yang mana satu? Yang Berhormat Kuala Krai, sila.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap terima kasih atas penjelasan yang diberikan, antaranya cara menambah pendapatan bagi IPT dan juga meningkatkan *efficiency*. Saya tidak mendengar tadi salah satu caranya yang tidak disebut ialah dengan menaikkan yuran. Jadi, adakah saya boleh simpulkan bahawa kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan yuran di universiti sebagai langkah untuk menambah pendapatan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga, Yang Berhormat Menteri sudah beri pelbagai alasan bahawa kerana perlulah jana dana sendiri dan sebagainya untuk IPTA. Akan tetapi saya dasar ini tidak betul. Oleh kerana di negara-negara yang maju, bukan sahaja kita *refer* kepada US tetapi harus juga kita rujuk kepada Jerman dan juga *Scandinavian countries*. Di mana keutamaan polisi kerajaan adalah pendidikan. Memberikan pendidikan yang percuma daripada *preschool* sampai ke universiti. Umpamanya seperti Jerman, semua universiti percuma sampai ke PhD. Jadi mereka mempunyai pakar-pakar dan mereka melabur dalam *talent-talent* mereka supaya negara menjadi kuat seperti *Germany*.

Kita tidak boleh ikut US yang *commercialization of high education* itu terlampau di mana setiap pelajar yang keluar sahaja daripada universiti menanggung puluh ribu USD punya *student loan*. Ini sekarang semakin berlaku di Malaysia. Satu laporan bahawa Malaysia. Yang terbaru adalah *Malaysia is unaffordable. It's university, student fees pun unaffordable. In the top world, top five* paling mahal kalau dikira *income* per kapita di negara ini. Jadi saya rasa polisi kerajaan salah dari segi bab ini.

Juga, mengikut OECD, kalau kita melaburkan RM1 dalam *higher education*, kerajaan pada masa yang akan datang akan dapat pulangan RM6. *So, I think we have to invest into our nstudent, invest into our higher education.* Jadi saya minta supaya kerajaan *reverse this kind of this is wrong. It is totally wrong policy* dan saya minta supaya Menteri *fight for* tambahan bajet untuk IPTA. Minta penjelasan.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Kuala Krai. Sebenarnya telah beberapa kali saya mengatakan bahawa tidak akan ada peningkatan yuran untuk pelajar-pelajar *undergraduate*. Sudah saya katakan beberapa kali sudah, beberapa kali sudah keluar dalam surat khabar.

Akan tetapi, saya juga seronok mendengar ulasan daripada Yang Berhormat Bayan Baru. Saya hendak tanya Yang Berhormat Bayan Baru sama ada Yang Berhormat Bayan Baru tahu tidak tahu berapa *tax bracket, income tax* untuk Jerman dan negara Scandinavia? Boleh saya dengar jawapan tersebut? Saya hendak tahu, bila Yang Berhormat mendapat makluman dengan membaca surat khabar mengatakan bahawa yuran kita pun paling tinggi, pernah tidak Yang Berhormat Bayan baru membuat semakan sama ada betul tidak betul fakta tersebut? Dua soalan saya hendak tanya Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini saya bukan Menteri tetapi saya sanggup jawab. Tak apa, tak apa. Boleh, boleh.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Saya tidak mahu Yang Berhormat cakap boleh benda itu.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, kita boleh, boleh.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Bila kita hendak cakap benda ini Yang Berhormat... Kalau Yang Berhormat kata percuma tapi kena lihat berapakah *tax bracket* negara tersebut...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Okey.



**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** ...Untuk membuat *comparison*, perbezaan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Saya hendak beritahu Yang Berhormat Menteri..

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Bayan Baru tahukah tak tahu berapa?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Saya hendak maklum kepada Yang Berhormat Menteri, *tax bracket* dekat US dengan *Europe almost the same, okay*. Itu adalah polisi. *US commercialize higher education*. Jadi walaupun *tax bracketnya* tinggi tapi dia pun masih mengenakan *high tuition fees* terhadap universiti mereka. Jadi, *it is not about tax or whatever* tapi adalah polisi..

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Tinggi tapi berapa peratus Yang Berhormat Bayan Baru?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri, Menteri, saya hendak jawab sikit ya.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Ya. Ya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, kerajaan telah memotong lebih kurang RM1.3 atau RM1.4 bilion daripada IPTA. RM1.4 bilion katakan. Tapi kerajaan telah dapat RM39 bilion GST...

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Yang Berhormat tidak jawab soalan saya. Saya tanya senang. Soalan senang. Yang Berhormat tahukah tak tahu berapa cukai negara *Scandinavian* dan Jerman? Itu sahaja soalan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Betul. Tapi saya hendak *compare* kepada Menteri...

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** *Nothing*. Jawab soalan sahaja.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ini dah *arguing, out of my arguments*.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Sebab Yang Berhormat Bayan Baru bercakap tentang Jerman dan juga *Scandinavian*. Saya hendak tanya Yang Berhormat, tahu tidak tahu berapa cukai...

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Jangan tunjuk pandailah. Duduk, duduk.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Betul. Tapi Yang Berhormat Menteri, kerajaan sudah dapat RM39 bilion GST. Boleh kah pakai untuk *higher education*?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Yang Berhormat, jangan tanya saya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *It is just about how do you make money.*

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Kalau Yang Berhormat Bayan Baru hendak buat komen...Ha, duduk. Tak tahu, duduk.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Nanti, relaks lah. Kita boleh *argue intellectually, we can be cool.*

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** *Sit down, sit down.* Saya tak benar.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Kenapa Menteri tak boleh *cool*? Kita minta satu pandangan daripada Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Bayan Baru...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tanya saja. Bagi jawab.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** *Sit down, sit down.* Tak tahu, duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Bayan Baru, duduk, duduk. Tak elok macam

ini, Yang Berhormat. Kita ada peraturan. Sila Yang Berhormat Menteri teruskan dengan jawapan. Silakan.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Okey, bila tidak tahu, inilah masalahnya. Kita dalam Parlimen buat perkara-perkara yang kita tidak tahu, ini merosakkan. Kita tahu *tax bracket Germany* 55 peratus, kita baru sampai 20 peratus sahaja. Sebab itu kalau kita lihat perkara-perkara tersebut, bila hendak buat perbandingan, janganlah banding yang 55 peratus dengan 20 peratus, tak adil. Kalau tidak tahu, cakaplah tidak tahu. Duduk sana goyang sana sini tapi tak betul.

Okey, tadi yang dikatakan kos tertinggi, berapa tinggi kos institusi awam kita? Universiti awam kita dalam RM2,000 sahaja. *Engineering* di UM kosnya RM2,000 sahaja, *Business* RM1,500 sahaja. Kalau lihat pada angka, memang betul keluar dalam surat khabar *The Star* itu hari tapi kita telah jawab pada dua tiga hari telah jawab mengatakan yang fakta itu tak betul. Bila fakta tak betul, jangan guna dalam Parlimen. Bila tengok oleh sebab surat khabar keluaran, dah kita terus jawab. Tengoklah dulu fakta tersebut kerana ikut pendapatan kita memang di Malaysia tidak tinggi. Itu sahaja saya hendak jawab. Okey, saya balik kepada yang seterusnya.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Menteri, minta kebenaran.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Ada dua yang bangun.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Menteri.

Saya cuma ingin tanya, dengan penurunan bajet kepada IPTA dan juga IPTS lah kerana PTPTN sudah dikurangkan dan sebelum ini pun kita ada dengar bahawa yuran PTPTN itu tidak ditanggung semuanya lagi, tidak diberi seratus peratus, jadi kena *top up* oleh penuntut itu sendiri, ini pun mereka sudah mengalami kesusahan untuk *top up especially* B40 dan mungkin juga M40. Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, dengan pemotongan ini, berapakah anggaran *dropout rate* yang

mungkin penuntut-penuntut kita tidak dapat hendak teruskan kerana pengurangan dalam peruntukan PTPTN? Terima kasih.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat Menteri, hendak tambah sedikit.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Nanti. Saya nak jawab dulu.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Soalan yang sama. Soalan yang sama.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Nanti, nanti. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sampai lagi. Sekarang saya pergi mengikut kelompok-kelompok kategori. Saya jawab PTPTN selepas ini. Tapi tanya soalan itu biar berasas. Jangan tidak berasas, tanya sahaja.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Sebenarnya saya nak sokong. Saya hendak sokong Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Okey, okey, dah. Saya hendak pergi kepada ranking. Terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Lembah Pantai, Kuala Terengganu dan juga Bagan Serai yang bercakap tentang ranking universiti.

Yang Berhormat Lembah Pantai walaupun tidak ada di sini tapi saya jawablah, mengatakan bahawa pengiktirafan diberi kepada UM sebab rankingnya naik. Tapi ada juga Yang Berhormat lain mengatakan mengapa ranking UM menyedihkan. Jadi, di pihak sebelah sana pun ada *statement* yang berbeza. Satu kata mengapa tidak beri pengiktirafan, satu lagi mengapa menyedihkan. Tapi tak apalah, saya jawab dua-dua.

Kita lihat dari segi pengiktirafan yang diberi di mana kalau kita lihat baru-baru ini, kita ada di UM Profesor Ulung iaitu Profesor Dr. Harith Ahmad. Memang apabila mereka menyumbang kepada kenaikan ranking universiti, mereka akan diberi pengiktirafan. Sama juga dengan kita ada *performance budget* yang akan kita laksanakan di universiti di mana universiti akan diberi peruntukan yang bertambah bergantung di atas prestasi mereka. Baru-baru ini kita melihat di mana Thomson Reuters telah

memberi pengiktirafan kepada 14 pensyarah-pensyarah kita di mana *citation* mereka merupakan yang satu peratus tertinggi dalam *high index journal* ISI dan memang mereka ini juga akan diberi pengiktirafan oleh universiti masing-masing.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa UM telah meningkat prestasinya, telah menerobos sempadan 150 ataupun *ranking 150 barrier* dengan menduduki tangga yang ke- 146 kerana ada Yang Berhormat mengatakan masih lagi 151. Sebenarnya ia telah berubah. Kalau kita lihat, UM di tangga ke-146, USM di tangga ke-249 dan UPM di tangga ke-331. Ini merupakan *research* universiti kita, universiti penyelidikan kita merupakan yang satu peratus terbaik di dunia.

Saya hendak mengatakan lebih kurang 30,000 buah universiti seluruh dunia dan universiti penyelidikan kita UM, USM, UPM, UTM dan UKM merupakan universiti kedudukannya 1% terbaik di dunia. Itu daripada segi ranking universiti. Daripada segi *subject ranking* pula kita lihat universiti kita memang teratas terutama dalam bidang *engineering*, kejuruteraan. Ketiga-tiga universiti ini, Universiti Malaya, Universiti Teknologi Malaysia dan juga USM. Di antaranya dalam bidang kejuruteraan merupakan universiti yang ke-100 terbaik di dunia. Tidak kira dalam bidang *environmental science* dengan izin, USM merupakan ke-31 dalam dunia, *developmental studies* UM ke-32 dalam dunia dan pertanian UPM ke-54 dalam dunia.

Kita mempunyai seramai 537 orang pensyarah yang datangnya daripada 20 buah universiti terbaik di dunia. *Insyah-Allah*, kita akan memastikan pada tahun 2020 nanti, sekurang-kurangnya satu ataupun dua buah universiti kita akan dapat memecahkan *barrier* 100 menjadi dua buah universiti dalam 100 terbaik di dunia.

Yang Berhormat Bagan Serai juga bertanya tentang saranan 100% untuk mencapai *top 100 in the world*, adakah ia akan terjejas. Sebenarnya saya katakan tadi universiti boleh menggunakan kepakaran mereka dan aset-aset yang ada pada mereka untuk memastikan agar mereka dapat menampung bajet-bajet keperluan mereka.

Ada juga yang bertanya tentang penglibatan kita bukan hanya dalam bidang QS tetapi universiti kita juga terlibat dalam ranking THE iaitu UTM, UKM, UPM, USM, UiTM dan juga UM melibatkan diri dalam ranking ARWU dan juga U21. Apa yang kita lihat apabila *global competitiveness index* kita meningkat. Baru-baru ini daripada 20 kepada 18, kita lihat di mana universiti kita memainkan peranan yang hebat untuk memastikan agar *global competitiveness index* kita akan meningkat yang mana kita lebih baik sekarang dari Australia dan juga Perancis.

Berhubung dengan hasil R&D, Yang Berhormat dari Tanah Merah...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Menteri, boleh tentang ranking sekejap?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Bukit Katil.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya ringkas sahaja. Saya hendak mendapatkan pengesahan daripada Yang Berhormat Menteri. Kalau tadi Yang Berhormat Menteri, *Times Higher Education*. Saya baca laporan *The Star* menyatakan bahawa universiti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi rankingnya daripada 600 kepada 800 band apakah ini benar dan *how to improve* perkara ini. Diberitahu juga Universiti Malaya *actively exclude* daripada perkara ini, adakah itu sengaja dibuat ataupun ada strategi yang lain, terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Terima kasih. Kita baru bermula, tahun dahulunya universiti kita berkecimpung dalam *QS Rankings*. Akan tetapi untuk TH Ranking memang dikatakan – UTM sudah bermula. UTM memang top 500 dalam THE ranking dan juga dalam top 800 ialah UKM, UPM, USM dan UTM. Memang benar kata Yang Berhormat tadi bahawa UM memang melibatkan diri dalam ARWU dan memang tidak masuk TH ranking *by choice*. Ini kerana mereka mengatakan cara mereka lebih selesa dengan ARWU dan bukan dengan THE.

Saya sambung lagi dengan apa yang dikatakan tentang hasil R&D oleh Yang Berhormat Tanah Merah. Di mana dikatakan bahawa dana penyelidikan seperti yang saya katakan tadi telah berkurangan sebanyak RM6 juta daripada RM476 juta tahun lalu kepada RM470 juta tahun ini. *Insyah-Allah*, kementerian akan memastikan tidak ada pengurangan, kita akan cari sumber-sumber lain untuk memastikan dana R&D akan ditambah sebanyak RM6 juta lagi agar ia cukup sebagaimana tahun lalu.

Untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Jerlun yang mengatakan bahawa hasil komersialan kita adalah agak rendah. Sebenarnya hasil komersialan kita ada di peringkat 4.2%. Kadar antarabangsa adalah 5%. US adalah 4.7%, jadi kita 4.2% hanya kurang 5% daripada US. Walau bagaimanapun kita tidak selesa dan kita akan memastikan agar komersialan kita akan ditambah.

Sebenarnya universiti tidak terlibat dalam komersialisasi, universiti hanya terlibat dalam penyelidikan *fundamental* dan bukan komersialisasi. Bahagian komersialisasi ini adalah di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Universiti bukan hanya bercakap tentang penyelidikan *fundamental* tetapi kita juga memastikan agar kita mendapat banyak pendapatan daripada komersialisasi idea dalam bentuk latihan, konsultan dan juga *contract research*.

Yang Berhormat Bukit Gantang juga bertanya tentang kajian-kajian OKU yang melibatkan OKU memang ada beberapa kajian yang melibatkan OKU di mana kita lihat Universiti Malaya memberikan kaki bionik kepada OKU, Azman Yeop Akhil yang mana Azman Yeop Akhil boleh berbasikal sejauh 1000 kilometer menggunakan kaki bionik yang dicipta oleh Universiti Malaya. Akan tetapi ia memang terhad kerana tidak mungkin semua OKU dapat terlibat dengan penyelidikan.

Dalam TVET pula kita lihat Yang Berhormat Sekijang bertanya bagaimana kita meningkatkan kemahiran di institusi-institusi. Bagaimana kerajaan akan sudah mewujudkan satu majlis – sebenarnya akan mewujudkan satu majlis di mana semua industri dipanggil dalam satu majlis yang akan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri untuk memastikan penawaran dan permintaan

itu akan selaras. Itu untuk memastikan kemahirankemahiran di peringkat industri akan terus ditingkatkan.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Yang Berhormat Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila Yang Berhormat Bukit Gantang.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada atau tidak berkenaan dengan perancangan daripada kementerian kerana memberikan beberapa keistimewaan antaranya ialah soal kemasukan pelajar-pelajar OKU ke pusat pengajian tinggi yang mana mereka ini sudah tentu piawai mereka itu tidak boleh disamakan dengan mereka yang tidak terdiri di kalangan orang OKU atau adakah atau tidak dari segi keistimewaan diberikan kepada mereka berbeza dengan pelajar-pelajar yang bukan OKU tadi.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Memang ada Yang Berhormat. Terima kasih kerana – memang saya pun hendak pergi kepada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tentang bidang kemahiran TVET untuk OKU dan sebagainya. Kita memang cuba memberikan laluan mudah kepada OKU untuk memasuki universiti tetapi kita lihat kemudahan yang terhad. Akan tetapi kita memastikan di USM katakanlah memastikan pelajar-pelajar OKU ini menggunakan kerusi roda diberikan keutamaan untuk masuk USM dan juga untuk UM untuk mereka yang cacat penglihatan.

Apa yang menarik apabila saya membuat lawatan ke UM baru-baru ini di mana walaupun hanya ada 40 orang pelajar OKU, ada 250 orang sukarelawan yang membantu mereka. Saya amat tersentuh melihat ada seorang pelajar membantu pelajar PhD dalam *economic*. Siswazah *undergraduate* yang membantu, mengatakan saya rasa pelajar *undergraduate* itu patut diberikan PhD apabila pelajar buta itu mendapat PhD ekonominya. Ini menunjukkan kita cuba meningkatkan tetapi masih terhad dengan kelengkapan-kelengkapan infrastruktur yang ada di universiti-universiti tersebut.



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, panjang lagi?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Okey, saya pendekkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, saya bercadang hendak habiskan sehingga Kementerian Komunikasi dan Multimedia malam ini.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Okey. Untuk jawapan kepada Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Kuala Kedah, Yang Berhormat Simpang Renggam tentang PTPTN. Kita lihat walaupun kerajaan menghadapi masalah tentang dana pembiayaan kerana kita lihat ramai yang tidak membayar. Akan tetapi walau bagaimanapun, tindakantindakan akan diambil untuk meningkatkan kutipan. Sejak tiga, empat bulan yang lalu, sejak bulan Mei kita lihat kutipan telah meningkat dan apabila kutipan dapat dikutip dengan baik barulah kita laksanakan apa-apa saranan yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Berhubung dengan kebolehpasaran juga dan disebutkan oleh Yang Berhormat daripada Kuala Krai...

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat Menteri, tadi hendak tanya tentang PTPTN dan juga saya hendak sokong Yang Berhormat Menteri. Saya merujuk kepada *study* di mana...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Serdang tidak perlu minta kepada Speaker?

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Maaf, Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rujuk kepada kajian yang telah disenaraikan dalam *study* di mana Malaysia dikatakan

adalah *top five* atau nombor lima daripada sepuluh. Saya rasa kajian itu memang tidak begitu tepat kerana kemungkinan yang besar, *fee* yang dirujuk adalah *fee* untuk IPTS dan bukannya IPTA. Saya beri angka yang tepat iaitu USD18,000 untuk kursus tiga tahun. Saya rasa itu adalah lebih kurang *fee* untuk kursus di IPTS dan bukan di IPTA. Jadi, saya terimalah apa penjelasan yang diberikan oleh kementerian di laman *Facebook* tetapi pada masa yang sama tidak boleh dinafikan bahawa *fee structure* di IPTS itu memang adalah sesuatu yang membebankan dan tambah lagi sekarang PTPTN telah dikurangkan sebanyak 15% untuk pelajar dari IPTS.

Jadi bukan sahaja saya rasa Yang Berhormat Menteri mesti menjawab soalan tentang cabaran untuk menanggung kos di IPTA tetapi pada masa yang sama, IPTS juga adalah satu masalah yang besar. Memandangkan bahawa di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia untuk pengajian tinggi, anggaran kementerian ialah pelajar IPTS akan menambah lebih banyak lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Serdang.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Jadi apakah penjelasan Yang Berhormat Menteri?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya hendak ingatkan Yang Berhormat, pencelahan bukanlah isu baru dan bukannya untuk berbahas. Sila, Yang Berhormat Menteri. Kalau isu baru tidak perlu jawab.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Okey, tidak perlu jawablah. Akan tetapi terima kasihlah kerana menolong membetulkan angka yang telah dikatakan oleh kawan kita Yang Berhormat daripada Bayan Baru tadi yang kurang faham tentang angka tersebut. Okey.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Saya tolong Yang Berhormat Menteri jawablah. Jawablah soalan PTPTN.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Kita memang simpati dengan semua pelajar. Ini pun jawapan lamalah. Saya jawablah Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu jika PTPTN

dapat meningkatkan kutipan mereka, kita memang hendak bantu sebab itulah dahulunya pinjaman ini hanya untuk IPTA. Dibukakan kepada IPTS agar kita boleh membantu pelajar-pelajar daripada IPTS. Yang Berhormat kena tolong bantu PTPTN supaya lebih ramai membayar. Memang kita lihat ada beberapa lagi yang telah diungkit oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat tentang kebolehpasaran pelajar-pelajar Sabak Bernam. *Insyallah* dengan adanya pelan pembangunan dan pelaksanaan iCGPA atau *Integrated Cumulative Grade Point Average* ini yang memberi penekanan kepada lapan domain dan bukannya hanya akademik yang akan meningkatkan komunikasi, penggunaan bahasa Inggeris. *Insyallah* kita akan melihat ia akan meningkatkan lagi kebolehpasaran pelajar-pelajar kita apabila mereka *graduate* kelak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Krai bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, sikit. Tadi Yang Berhormat Menteri bermula dengan satu perenggan baru tetapi tidak sambung sebab dicelah oleh Yang Berhormat Serdang. Ini kerana saya ada dengar tadi beberapa Ahli Parlimen menyebut termasuk Kuala Krai. Ada satu perenggan yang Yang Berhormat Menteri hendak sebut sebelum perenggan ini.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Tidak ada. Mungkin sudah sebut. Memang sudah sebut.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Belum, belum.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Saya tahu. Saya ada ini.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Baru sebut tadi tetapi apabila Yang Berhormat Serdang mencelah, dia tergantung. Tergantung tadi.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** PTPTN. Gantung, saya sudah sambung balik. Jadi tidak gantunglah. Sambung balik sudah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Itulah, banyak dikatakan kita perlu ubah kurikulum agar lebih bercorak kepada apa yang diperlukan oleh industri. Oleh sebab itu memang Yang Berhormat Kota Tinggi ada mengatakan bahawa perlu diberi penekanan kepada hospitaliti dan juga *oil and gas*. Memang masa kini ada sembilan universiti yang menawarkan kursus pelancongan di universiti awam dan juga tujuh universiti awam yang menawarkan kursus dalam bidang *oil and gas*. Baru-baru ini kita lihat kolej komuniti memberi latihan dalam bidang terowong dan juga *oil and gas* dengan kerjasama syarikat-syarikat untuk menambahkan kebolehpasaran pelajar-pelajar kita.

Itulah antara perkara-perkara yang saya hendak jawab pada malam ini dengan cara ini dan saya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah mengambil...

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.


**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah, Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** ...Bahagian dalam perbahasan bajet baru-baru ini.

Sekian, terima kasih.

# **DEWAN RAKYAT**

**UCAPAN PENGGULUNGAN  
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN  
TAHUN 2016 PERINGKAT JAWATANKUASA**



**UCAPAN PENGGULUNGAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN  
TAHUN 2016 PERINGKAT JAWATANKUASA DI DEWAN RAKYAT OLEH  
YB DATUK MARY YAP KAIN CHING  
TIMBALAN MENTERI PENDIDIKAN TINGGI**

**1 DISEMBER 2015**

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Tuan Pengerusi, pada kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2016 peringkat Jawatankuasa ini. Keprihatinan Ahli Yang Berhormat dalam memberi pandangan, saranan malah teguran yang membina demi penambahbaikan berterusan sektor pendidikan tinggi amat saya hargai. Fokus penggulungan saya akan menjurus kepada penjelasan bagi isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada perbahasan ini. Bagi isu-isu yang melibatkan dasar, ia telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi dalam penggulungan peringkat dasar pada 4 November yang lalu. Oleh yang demikian, saya tidak akan mengulas dengan lanjut berkaitan isu dasar.

Yang Berhormat Parit Sulong, bagaimana pihak KPT pastikan pelajar dapat akses maklumat terkini seperti *Scopus*. Jadi pangkalan data *Scopus* atau *web of sciences* boleh digunakan kerana ini sudah dilanggan sejak Oktober 2015. Kelewatan langganan kerana KPT melanggan secara kolektif yang lebih murah sejak tahun 2015. Sebelum ini setiap universiti awam (UA) melanggan secara sendiri dan kos menjadi berganda.

Yang Berhormat Parit Sulong juga ada tanya tentang status terkini *MyBrain* dan bilangan pelajar yang dapat manfaat. Yang Berhormat, semenjak diperkenalkan pada tahun 2011 hingga 30 September 2015, seramai 50,772 orang pelajar berjaya mendapat penawaran tajaan di bawah *MyBrain*. Program *MyBrain* akan diteruskan bagi pelajar yang dalam penajaan sehingga tamat tempoh penajaan yang diluluskan.

Soalan yang berikut ada kaitan dengan berapa kos keseluruhan program ini. Memandangkan ini adalah satu soalan yang spesifik, maka jawapan akan diberi

dalam bentuk bertulis. Yang Berhormat Parit Sulong juga ada bertanya berkaitan dengan pembinaan kolej.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kulai bangun.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, ringkas Yang Berhormat Kulai.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Ya. Saya hanya nak tanya sama ada *MyBrain* ini tahun depan ada tajaan yang baru, tawaran baru untuk pelajar-pelajar atau pemohon-pemohon yang baru ataupun sudah dihentikan, hanya akan terus untuk mereka yang sudah dapat tawaran ini dan tidak ada permohonan baru yang akan diterima. Saya hanya nak minta pengesahan tentang hal ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Program *MyBrain* seperti yang saya sudah jawab adalah di mana ini akan diteruskan bagi pelajar yang dalam penajaan sehingga tamat tempoh penajaan yang diluluskan.

Yang berkaitan dengan pembinaan kolej komuniti yang ditanya oleh Yang Berhormat Parit Sulong. Penubuhan sesebuah institusi pendidikan tinggi awam termasuk kolej komuniti perlu mengambil kira pelbagai aspek seperti keperluan guna tenaga negara, keperluan strategic pembangunan negara dan keupayaan pembiayaan kerajaan. Pada masa ini, Kementerian memfokuskan untuk memperkasakan kolej komuniti yang sedia ada.

Yang Berhormat Bayan Baru ada bertanya berkaitan dengan UA. Macam mana universiti awam menampung pemotongan bajet. Jawapan saya adalah di mana Malaysia memerlukan sistem pembiayaan jangka panjang yang boleh menampung



dan menambah balik keupayaan negara untuk menyediakan pendidikan berkualiti yang boleh diakses secara saksama dan memenuhi standard antarabangsa. Pengurangan peruntukan tahun 2016 kepada KPT tidak menjadi satu perkara yang mengejutkan kepada kementerian kerana jelas kita tahu bahawa pergantungan universiti awam kepada kerajaan begitu tinggi sekali.

Pada masa ini kebergantungan universiti awam kepada kerajaan di antara 75% hingga 95%. Jika dibandingkan dengan UK dan US yang kebergantungannya hanya di peringkat 30% hingga 40% sahaja. Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia untuk pendidikan tinggi dalam lonjakan kelima iaitu kemapanan kewangan universiti awam perlu meningkatkan produktiviti, *efficiency* dan penjanaan dana supaya memaksimumkan penggunaan segala asset dan kepakaran universiti untuk menjana pendapatan dalam sehingga 25% menjelang 2025.

Antara cara-cara untuk meningkatkan produktiviti adalah meningkatkan *graduate on time* di mana graduan-graduan kita mendapat ijazah mereka dalam masa tertentu. Kedua, memperkenalkan *Massive Open Online Courses*, dengan izin atau kita panggil sekarang MOOC di mana kita banyak menggunakan pembelajaran *online*. Ketiga, meningkatkan kecekapan menjimatkan penggunaan utiliti dan menjimatkan apa sahaja perkara yang perlu diijimatkan.

Seterusnya ialah untuk meningkatkan dana pendapatan universiti. Kalau kita lihat di universiti kita bahawa *commercialization of idea* perlu ditingkatkan dalam bidang perundingan, dalam bidang penyelidikan dan juga untuk memaksimumkan potensi aset.

Yang Berhormat Bayan Baru ada tanya kenapa graduan doktor universiti tempatan tidak boleh berbahasa Inggeris.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri masuk, terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri masuk ke tajuk yang lain saya hendak tanya apakah KPI-KPI yang disediakan, yang

ditetapkan oleh kementerian untuk memberi peruntukan kerana kita nampak ada perbezaan antara Universiti Malaya dengan UKM?

Di mana saya rasa prestasi mereka lebih kurang sama walaupun Universiti Malaya lebih bagus seperti Yang Berhormat Sepang tadi kata tetapi peruntukan dipotong 26% tetapi UKM pula ditambah 5%. Ini *confusing*, bagaimana kementerian menetapkan berapa bagi kepada UKM, berapa bagi ditetapkan untuk bagi kepada Universiti Malaya? Berapakah yang *you* tetapkan untuk bagi kepada UITM? Ini adalah nampaknya tidak ada sistem, nampaknya bagi sahaja. Minta penjelasan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tajuk yang sama saya rasa.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sebab saya takut nanti Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak jawab nanti sebab saya ada pengalaman banyak Menteri tidak jawab ini.

Okey saya hendak tanya, sudah tentu akan berlaku, sudah tentu sudah punya penurunan bajet itu, saya hendak tanya apakah pihak kerajaan akan memastikan pelajar-pelajar yang terima pinjaman atau biasiswa ini, kadar biasiswa atau pinjaman itu mesti dinaikkan selaras dengan kekurangan itu sebab saya takut ada kenaikan yuran yang tinggi nanti untuk tampung bajet yang kurang ini, jadi pelajar akan makin dibebankan. Jadi saya harap pihak kementerian mungkin ada mekanisme-mekanisme untuk menolong para pelajar akibat daripada penurunan bajet ini.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya sambung sedikit, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya sudah tanya tadi, Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya sudah tanya tadi bila 19 universiti daripada 20 universiti mengalami kekurangan pemotongan Bajet untuk 2016, di manakah spesifikasi pemotongan yang telah berlaku? Sepatutnya ada satu bahagian yang telah dipotong sebab *pattern* iaitu 19 daripada 20 buah universiti bermaksud mesti ada satu

kesinambungan di antara semua universiti kita potong satu bahagian. Bagaimana yang telah kita mengurangkan, itu yang perlu dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Yang Berhormat yang berkaitan dengan kenapa UKM menerima peruntukan yang lebih banyak daripada UM dan saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat di sini bahawa UKM menerima lebih dan ini adalah tujuan untuk menampung emolumen pada tahun 2015. Berkaitan dengan formula untuk menetapkan peruntukan untuk universiti masing-masing, Kementerian Pendidikan Tinggi mengadakan satu formula dan sekiranya Yang Berhormat berminat untuk dapat tahu *standard operating procedure* untuk kita mengadakan atau tetapkan peruntukan untuk universiti saya boleh menjemput Yang Berhormat untuk mengadakan satu sesi Yang Berhormat dengan saya di mana kita boleh tunjuk *from A to Z* macam mana kita tetapkan peruntukan untuk universiti. Yang Berhormat...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Bagus, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih banyak. Saya terima jemputan sekarang.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih, *I look forward to seeing you*. Berkaitan dengan yuran memang sudah diumumkan pada 26 Oktober 2015 dalam sidang media bahawa *there will be no increase in fees for under graduate programme*, dengan izin dan pada 4 November 2015 penggulungan bajet peringkat dasar, Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi juga sudah memaklumkan bahawa yuran pengajian *under graduate* tidak akan dinaikkan pada tahun 2016.

Saya akan teruskan, Tuan Pengerusi dan ini ada berkaitan...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri soalan saya tadi.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Maafkan saya, *what is your question?*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya tanya kan saya kata tadi 19 daripada 20 buah universiti telah mengalami kekurangan mesti *pattern* ini ada satu kategori yang kita telah kurangkan. So, penerangan untuk dimanakah kategori yang telah dikurangkan?

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Saya rasa saya jemput juga Yang Berhormat Kapar untuk turut bersama supaya kita boleh mengadakan satu sesi perbincangan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Sepang jemput tidak, Yang Berhormat Sepang?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *I will accept, definitely I will accept. Thank you so much.*

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Jadi saya akan teruskan dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Bayan Baru yang berkaitan dengan kelemahan dalam bahasa Inggeris dan bagi memastikan kualiti bahasa Inggeris dalam kalangan *graduate* perubahan adalah berada pada tahap yang baik. Syarat khas kemasukan universiti adalah di mana pelajar mesti memperoleh Band 4 dalam MUET sebelum boleh terima masuk ke dalam program perubahan. Pelajar berkenaan juga perlu memperoleh sekurang-kurangnya Band 5 dalam MUET sebelum *graduate*.

Selain daripada kelayakan yang wajib, universiti-universiti memang kendalikan program bahasa Inggeris secara formal, secara informal dan aktiviti kokurikulum juga dapat dijalankan dalam bahasa Inggeris seperti drama, *speech competition* dan *English Camp, English Carnival* dan lain-lain. Yang Berhormat Tanah Merah...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *[Bangun]*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bayan Baru bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Kalau Menteri kata begitu bagus dengan pelbagai *training, programme* dan sebagainya kenapa ada doktor masih tidak boleh bertutur dalam bahasa Inggeris dan telah *direject* oleh *Malaysian Doctor Board*? Itu adalah persoalan saya, terima kasih.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Yang Berhormat, saya rasa satu kajian sebenarnya, sepatutnya dijalankan untuk pastikan bahawa faktor kenapakah pelajar graduan tidak sambung karier mereka sebagai doktor adalah oleh kerana bahasa Inggeris. Barangkali ada faktor yang lain yang kita tidak tahu dan sekiranya kita boleh mengendalikan satu kajian, barangkali kita boleh kesan faktor-faktor yang lain yang mempengaruhi keputusan mereka untuk tinggalkan karier.

Yang Berhormat Tanah Merah ada bertanya tentang Kad Diskaun 1Malaysia dan kad diskaun terlalu sedikit berbanding harga buku, cadangan berunding dengan KPDKK iaitu mendebitkan baucar RM250 ini dalam kad debit dan KPT perlu ubah suai penggunaan baucar untuk kaedah membeli buku akademik. Jadi Kementerian Pendidikan Tinggi akan melihat kesesuaian dan mengkaji cadangan ini.

Yang Berhormat Tanah Merah, isu yang dibangkitkan ada kaitan dengan ada IPTS berpakat dengan pelajar untuk mengelak membayar PTPTN dengan memberi kelas pertama dan ini memerlukan penyiasatan. Universiti swasta berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Tinggi di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996, Akta 555 dan kesemua peruntukan di bawahnya adalah terpakai. Jika ada kalangan yang menyalahi peraturan maka tindakan tegas boleh dikenakan. Seksyen 54, Akta 555 memperuntukkan alasan-alasan berikut untuk menarik balik lesen atau membatalkan kelulusan penubuhan sesebuah IPTS termasuk bertaraf universiti.

Yang Berhormat Sepang ada bertanya tentang kenaikan yuran. Saya sudah jawab tadi, jadi tidak perlu saya ulas lagi.

Yang Berhormat Sepang ada bertanya juga tentang langkah-langkah Universiti Malaya mengatasi pengurangan bajet seperti yang diumumkan oleh Menteri Pendidikan Tinggi. Pihak pengurusan Universiti Malaya memberi jaminan bahawa

tidak akan ada peningkatan yuran bagi ijazah pertama dan oleh kerana Kementerian tidak mahu membebankan ibu bapa dan pelajar. Langkah yang diambil oleh UM adalah di mana pihak pengurusan UM mempunyai sumber pendapatan lain melalui anak-anak syarikatnya seperti mewujudkan usaha sama pertama antara institusi awam dan swasta iaitu *International University of Malaya-Wales and University of Malaya Center for Continuing Education and University of Malaya Specialist Centre*. Pada masa ini 30% daripada perbelanjaan mengurus UM dibiayai oleh aktiviti perniagaan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri seperti mana yang saya bahaskan tadi kedudukan UM di ranking *University World Ranking* adalah pencapaian yang saya rasa terbaik di kalangan universiti-universiti awam. Jadi, kenapakah dalam keadaan universiti ini mendapat ranking yang terbaik bajet mereka terlalu banyak dikurangkan.

Sepatutnya *it's a privilege*. Sepatutnya UM ini boleh dapatkan ranking yang baik, kita *support* lagi. Walaupun Yang Berhormat Menteri mengatakan mereka ada terma-terma tertentu, bagi saya mesti ada satu polisi. Universiti-universiti mendapat ranking yang terbaik ini mesti diberikan geran yang lebih baik supaya menjadi satu *competition* universiti lain tetapi kalau kita dapat catatan yang baik tiba-tiba dikurangkan bajet ini macam sesuatu yang nampaknya polisi kita ini dia *reverse* pula. Universiti yang baik dikurangkan pula bajet. Universiti yang boleh dapat keuntungan yang lebih rendah daripada UM dapat pula bajet tambahan. Jadi, ini satu yang saya rasa *there is a policy*. Saya harap polisi ini harus dikaji semula.

Keduanya, saya harap akan datang kita boleh kurangkan apa-apa bajet-bajet lain pun tetapi untuk pendidikan ini kalau boleh kita jangan *compromise* lah. Kalau boleh

sama ada kita *maintain*, skor atau tambah lagi untuk pendidikan. Saya rasa ini mesti jadi satu polisi kementerian. Terima kasih.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang dari segi kualiti penyelidikan dan kualiti pendidikan tidak ada *compromise*. *That is no compromy* dan seperti yang saya sudah beritahu bahawa Universiti Malaya adalah satu contoh yang terbaik di mana *is a best example* dengan izin *as it is it has succeeded in generating 40% of it's operating course through asset commercialization*. Di sini juga saya hendak berkongsi pandangan visi Universiti Malaya. Dengan izin, *What the Vice Chancellor of Universiti Malaya is saying about budget 2016. This is Professor Dato' Dr. Mohd Amin Jalaludin, "Correctly 40% of UM operating expenditure is being funded by it's business interest. Funding is generated through investment in a few lucrative sectors such as the plantation business industry, UM objective is to became financially self-sustainable and generate 50% of its own fund by 2025."*

Jadi, di sini kita boleh melihat bahawa ada satu implikasi yang begitu jelas bahawa universiti boleh menghadapi cabaran ini dari segi potongan atau kekurangan bajet. Ini juga seperti yang saya katakan tadi bahawa ini adalah berdasarkan lonjakan kelima di Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang berkaitan dengan pemapanan kewangan.

Yang Berhormat Bagan Serai ingin mendapatkan penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan Tinggi bilangan dan peratus pelajar universiti awam dari universiti swasta yang gagal mendapat pekerjaan selepas enam bulan tamat pengajian.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, sebelum pergi Bagan Serai hendak tanya saya ada juga bangkitkan isu tidak diiktiraf. Sepang tadi tidak mengiktiraf kursus undang-undang di USIM. Saya harap Yang Berhormat Menteri jawab ya benda itu.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** USIM?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya. Kursus undang-undang dan syariah tidak diiktiraf untuk jadi peguam. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri dapat jawab.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Okey. Saya akan jawab Yang Berhormat Bagan Serai dahulu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** *Then I will answer you.* Okey. Jadi, memandangkan sebahagian soalan ini adalah spesifik jadi saya akan menjawab secara bertulis tetapi yang berkaitan dengan apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan kebolehan pasaran khususnya graduan dari universiti awam saya boleh menjawab di sini bahawa memang kita mengadakan program intervensi iaitu Graduate Employability Programme.

Selain dari itu, Kementerian Pendidikan Tinggi sudah memperkenalkan iCGPA dan selain daripada ini juga ada memperkenalkan *works base learning* dengan dua campur satu atau dua campur dua supaya pelajar mendapat pengalaman dalam *the work place* dan ini akan memudahkan mereka diterima untuk bekerja selepas *industrial training* atau *the work place training in the industry*.

Saya akan jawab soalan Yang Berhormat yang berkaitan dengan USIM dan UNISZA. Ini ada perkaitan dengan pengiktirafan Program Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang di USIM. Dalam usaha membantu universiti ini mendapat pengiktirafan penuh kementerian ini telah memohon Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang (LKPU) untuk mempercepatkan proses penilaian bagi mengiktiraf penuh bagi memastikan graduan bagi program ini boleh diperakui sebagai peguam di bawah Akta 166. Perbincangan di peringkat negeri di antara Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri Yang Berhormat Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri selaku Menteri yang bertanggungjawab di dalam hal ehwal undang-undang untuk membincangkan isu berkaitan pengiktirafan penuh Ijazah Sarjana Muda Undang-undang di universiti awam turut diadakan. Menurut laporan daripada LPKU, buat masa ini graduan bagi



program ini di USIM belum boleh dikecualikan dari keperluan menduduki dan lulus peperiksaan Sijil Amalan Guaman bagi maksud menjadi orang berkelayakan di bawah Akta 166. Namun begitu lawatan pengiktirafan penuh akan diadakan pada bulan Disember 2016 oleh LKPU untuk menilai program yang ditawarkan USIM.

Yang berkaitan dengan UNISZA, program Ijazah Sarjana Muda Undang-undang UNISZA telah mendapat pengiktirafan penuh daripada Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang (LKPU) dan susulan itu, graduan UNISZA yang akan menamatkan pengajian mulai tahun 2016 tidak lagi perlu menduduki dan lulus Peperiksaan Sijil Amalan Guaman. Graduan UNISZA adalah dibenarkan menjalani *privilege* atau latihan dalam kamar selaras dengan Akta Profesion Undang-undang 1976.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, dua isu berdasarkan jawapan Yang Berhormat Menteri itu, pertamanya, saya ingin tanya kenapakah di peringkat awal lagi apabila kursus itu ditawarkan, isu pengiktirafan tidak diselesaikan. Sebab saya kata begini, sebab masasaya bagi contoh Universiti UIA sebagai contoh juga menawarkan jurusan undang-undang dansyariah tetapi *graduatenya first batch* telah dapat pengiktirafan, tidak ada masalah dari segi untuk buat *chambering* dan sebagainya sedangkan universiti ini sudah tahu, sudah beberapa *batch* dah tetapi mereka-mereka yang keluar dari jurusan ini tidak dapat jadi peguam dan sebagainya.

Jadi saya harap, bagi saya ini isu polisi Yang Berhormat Menteri, mesti ada satu polisi supaya memastikan universiti-universiti hendak menawarkan kursus-kursus yang boleh melahirkan profesional ini. mestilah memastikan isu pengiktirafan ini diselesaikan. Jangan kita tawarkan, kita biarkan pelajar dengan harapan hendak jadi seorang peguam tetapi tak dapat.

**Beberapa Ahli:** Soalan, soalan. [*Dewan riuh*]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Diamlah!

**Seorang Ahli:** Fahamlah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Itu pertama, yang keduanya Yang Berhormat Menteri, yang keduanya saya hendak tanya juga, bagaimanakah kedudukan pelajar-pelajar yang sebelum ini kalau mereka sekarang kata Yang Berhormat Menteri, tahun 2016 ni tengah lagi hendak berunding. Macam mana pelajar-pelajar UNISZA dulu yang baru, yang sebelum ini *graduate* macam mana? Adakah mereka ini boleh dibenarkan untuk dipakai secara *retrospective* pengiktirafan itu. Ini yang duduk di belakang itu diam-diam ya, jangan sibuk.  
[Disampuk]

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Yang Berhormat, ini adalah penggulangan dan bukan satu dialog. Jadi saya tak akan berhasrat untuk respons.  
[Dewan riuh]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri bukan Speaker Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, Speaker tak cakap, Yang Berhormat Menteri cakap. Tukarlah jadi speaker. [Tepuk]

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Yang Berhormat Bagan Serai. Saya akan teruskan, ada tanya tentang kemahiran insaniah penting jika ada kemahiran..

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tak boleh jawab...

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Insaniah yang tinggi, senang dapat kerja dan apakah tindakan kementerian untuk tingkatkan kemahiran insaniah menyeru. Jadi purata nilai gred keseluruhan bersepadu atau *Integrated Cumulative Grade Point Average* (ICGPA) adalah sesuatu nilai yang diperlihatkan pencapaian pelajar dalam menguasai hasil pembelajaran program bagi setiap semester sepanjang tempoh pengajian. Ini merupakan salah satu inisiatif di bawah lonjakan satu yang berkaitan dengan melahirkan graduan holistik bercirikan keusahawanan dan seimbang dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 hingga 2025 untuk pendidikan tinggi. Prestasi setiap pelajar akan dinilai dengan menggunakan kaedah *spider web*. ICGPA tidak hanya mentaksir pengetahuan dan kemahiran

berfikir sebagaimana amalan sekarang tetapi cuba dapat mentaksir *attribute* utama lain yang merangkumi aspirasi pelajar, etika dan kerohanian. Kemahiran kepimpinan jati diri kebangsaan dan penguasaan bahasa.

Melalui ICGPA, pelajar bukan sahaja dinilai dalam bidang akademik, namun turut diukur dari segi kemahiran insaniah berpengetahuan nilai-nilai murni berkepimpinan dan kebolehan berfikir secara kritis. Matlamat adalah untuk menganjak minda pelajar daripada sebagai pencari pekerjaan, *job seeker* dengan izin kepada penjana pekerjaan, *job creator* dengan izin untuk masyarakat dan negara. Dalam erti kata lain, pada masa hadapan lepasan dari institusi pendidikan tinggi tidak lagi bergantung pada pekerjaan di sektor kerajaan tetapi berupaya mencipta pekerjaan untuk orang lain. Oleh itu, kualiti pelajar dapat dikenal pasti lebih awal supaya program bimbingan dapat ditawarkan dalam usaha menambah baik keupayaan graduan sebelum mereka melangkah ke alam pekerjaan. Pihak industri atau majikan juga dapat mengenal pasti keupayaan dan kesesuaian graduan dengan bidang pekerjaan yang dipohon melalui ICGPA.

Yang Berhormat Bagan Serai, sejauh mana UA berperanan sebagai pencetus pembangunan negara? Universiti melahirkan graduan untuk pembangunan negara kita dan kebanyakan graduan sudah menjadi pemimpin korporat, pemimpin negara dalaman dan antarabangsa dan ini ada berkaitan dengan lonjakan yang kedua di Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang berkaitan dengan kecemerlangan bakat di mana kita melahirkan pensyarah dan sekiranya mereka tidak mahu menjadi pensyarah sepanjang perkhidmatan mereka, mereka boleh memainkan peranan sebagai penyelidik dan walaupun hendak dapat pengalaman yang lain dalam bidang kepimpinan mereka juga memilih untuk menjadi pemimpin dan *track* yang keempat ada berkaitan dengan menjadi profesional.

Okey, Yang Berhormat Stampin. Ini ada berkaitan dengan *graduate* dari UEC IPTS, adakah diterima ke UA. Isu ini tidak ada berkaitan dengan bajet, dan di sini kepada Yang Berhormat Stampin, *you can shout until the cows come home. But the Ministry of Education stand* pendirian yang berkaitan dengan UEC adalah konsisten terpaut sepanjang...

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** So kerajaan mahu mengelakkan isu ini? Kerajaan telah mengelakkan isu ini selama 40 tahun. *How can this kind of matter...*  
*[Dewan riuh]*

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Tuan Yang di-Pertua..

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Tuan Yang di-Pertua yang boleh putus, saya berpendapat bahawa kerajaan mengelakkan isu ini selama 40 tahun.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduklah Yang Berhormat Seputeh.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** *Cowgirl Minister. [Dewan riuh]*

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi..

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduk Yang Berhormat, hendak minta penjelasan Yang Berhormat?

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Tuan Pengerusi, saya akan teruskan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Minta penjelasan Yang Berhormat? Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat, minta penjelasan.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** .. akan menyelesaikan UiTM mempunyai tanah seluas..

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak minta penjelasan, buat secara tertib Yang Berhormat ya.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Tuan Pengerusi, saya akan teruskan.  
*[Dewan riuh]* Yang Berhormat Lipis memohon tanah dikembalikan jika tidak ada tindakan. UiTM mempunyai tanah seluas 898.5 ekar di Lipis Pahang yang telah

didaftar atas nama UiTM sendiri. Pada masa ini, UiTM sedang membuat perancangan untuk dijadikan pusat penyelidikan berteraskan perladangan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Mahu, buli, buli sama perempuan buat apa? Eh, apa buli? Buli sama kamilah, apa lu? Buli sama perempuan, *cheh!* Tak ada *class* lah *lu* orang? [*Dewan riuh*] Tak ada *class* punyalah, buli sama perempuan. Buli sama Balinglah.

**Seorang Ahli:** *Let's go homelah, wasting timelah.*

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Ya, memang Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Balingkah, *punch card*, baru balik..

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Soalan yang berkaitan dengan Pusat Inovasi Universiti.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, teruskan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Ya, ya, okey. Tuan Pengerusi, memandangkan...

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Minta penjelasan.


**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebentarlah Yang Berhormat.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Yang Berhormat Baling, tolong buat..

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Memandangkan Yang Berhormat- Yang Berhormat semua tidak mahu mendengar jawapan saya secara lisan. Maka, saya akan jawab secara bertulis. Sekian, terima kasih.

# **DEWAN NEGARA**

**UCAPAN PENGGULUNGAN  
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN  
TAHUN 2016**



**UCAPAN PENGGULUNGAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN  
TAHUN 2016 DI DEWAN NEGARA OLEH  
YB DATUK MARY YAP KAIN CHING  
TIMBALAN MENTERI PENDIDIKAN TINGGI**

**15 DISEMBER 2015**

**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia ataupun KPT merakamkan penghargaan kepada kerajaan atas peruntukan yang diterima dalam Bajet 2016 iaitu sebanyak RM11.8 bilion bagi belanja mengurus dan RM1.6 bilion untuk pembangunan. Peruntukan ini walaupun menunjukkan kekurangan sebanyak 15.25% berbanding bajet sebelumnya, ia masih menunjukkan komitmen berterusan kerajaan untuk memastikan pembangunan pendidikan tinggi negara berjalan dengan lancar.

Kementerian Pendidikan Tinggi tetap yakin dengan peruntukan yang disediakan sebanyak RM13.4 bilion tersebut. Amalan perbelanjaan berhemah seperti yang dilakukan sekarang ini serta kesungguhan dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan mampu mencapai agenda pembangunan pendidikan tinggi negara sebagaimana yang telah dirancang dan dijelaskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM(PT).

Keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam memberi pandangan, saranan malah teguran yang membina demi penambahbaikan berterusan sektor pendidikan tinggi amat saya hargai. Seramai sembilan orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbincangan peringkat dasar ini yang menyentuh hal ehwal pendidikan tinggi. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan fokus penggulungan saya pada hari ini memberi penjelasan kepada isu-isu yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor dan Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik



Ismail telah kemukakan pandangan dan kebimbangan ekoran peruntukan kepada kementerian yang berkurangan dari tahun 2015.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu ini kita perlu menyahut cabaran dalam menjadi lebih efisien dengan mengambil peluang menjadi lebih *self-sustaining*, dengan izin. Pada hari ini kebergantungan universiti awam atau UA di Malaysia terhadap pembiayaan kerajaan terlalu tinggi iaitu pada kadar 75% hingga 95%. Ini satu keadaan yang tidak *sustainable*, dengan izin, dalam jangka masa panjang.

Jika dibandingkan kebergantungan universiti luar negara, contohnya di United Kingdom adalah kurang daripada 40% manakala di Amerika Syarikat ialah kurang daripada 30%. Kekurangan peruntukan ini adalah merupakan satu *catalyst*, dengan izin, kepada KPT ke arah mengurangkan kebergantungan UA terhadap geran kerajaan selaras dengan hasrat yang telah dinyatakan di dalam PPPM(PT) di bawah lonjakan kelima iaitu kemapanan kewangan di mana universiti perlu berubah untuk menjana pendapatan dalaman sehingga 25% menjelang tahun 2025.

Pembiayaan berdasarkan pencapaian keberhasilan atau *outcomes*, dengan izin akan menjadi *the new norm*, dengan izin, yang bertujuan untuk mengoptimumkan kos dalam sistem pendidikan. Kaedah ini menggalakkan UA untuk memperkukuhkan kewangan sendiri dengan mempelbagaikan sumber pendapatan dalaman tanpa mengurangkan akses atau menjejaskan kualiti pendidikan yang diberikan.

Bagi menampung usaha-usaha mengurangkan kos, terutamanya dalam emolument UA, boleh menggunakan kesempatan ini untuk meningkatkan produktiviti dan meningkatkan kecekapan melalui penjimatan. Bagi meningkatkan produktiviti, kementerian telah menetapkan *key performance indicators*, dengan izin, atau KPI baru dengan memberi fokus kepada jumlah pelajar yang berjaya menamatkan pengajian mengikut tempoh pengajian yang ditetapkan atau *graduate on time*, dengan izin (GOT). KPI ini akan memastikan universiti tidak mengalami kekurangan pensyarah dan pada masa yang sama dapat mengurangkan perbelanjaan pembelajaran yang perlu ditanggung oleh kementerian bagi menampung perbelanjaan pelajar yang membuat lanjutan tempoh penajaan.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, UA disaran memaksimumkan penjanaan dana melalui pengkomersialan idea dalam perundingan, penyelidikan dan latihan yang menjadi bidang kepakaran universiti. Sebanyak 280 jenis produk R&D telah berjaya dikomersialkan. Contoh penghasilan *typhidot* iaitu cip diagnostik segera bagi demam kepialu oleh Prof. Datuk Dr. Asma Isma dari Universiti Sains Malaysia dan cip ini telah diiktiraf oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan pengkomersialannya bernilai RM19 juta. Contoh yang lain adalah vaksin *newcastle disease, vaccine-* dengan izin, dan ini bernilai RM2.7 juta.

Hasil tumpuan terhadap penyelidikan juga membuktikan seramai 14 orang penyelidik negara telah dinobatkan sebagai penerima anugerah *Malaysia's Rising Star Award*, dengan izin, kerana menghasilkan artikel yang menerima sitasi penerbitan 1% tertinggi dunia oleh agensi pengindeksan antarabangsa Thomson Writers. Penarafan ini berjaya mempromosikan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang mempunyai sarjana bertaraf global dan *expertise* dan kepakaran mereka boleh digunakan untuk menjana dana untuk UA.

Tuan Yang di-Pertua, UA juga boleh menjana pendapatan dengan penggunaan segala aset yang ada melalui sewaan dan sebagainya. Langkah-langkah ini sememangnya telah pun dilaksanakan oleh universiti-universiti selama ini. Ia akan diperhebat bagi memastikan pulangan yang lebih lumayan. Sebagai contoh pihak pengurusan Universiti Malaya telah mempunyai sumber pendapatan lain melalui anak-anak syarikatnya yang diterajui UM Holdings Sdn. Bhd. yang menyumbang sebanyak 30% kepada perbelanjaan mengurus UM.

Antara langkah mereka mewujudkan usaha sama pertama antara institusi awam dan swasta. Contohnya *International University of Malaya-Wales* dan *University of Malaya Centre for Continuing Education*, dengan izin, dan *University of Malaysia Specialist Centre*.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa memberi perhatian dengan keperluan mahasiswa dalam meneruskan pengajian. Seajar dengan kepentingan teknologi maklumat, kementerian sentiasa berusaha menyediakan kemudahan terbaik di UA bagi memastikan mahasiswa mendapat akses kepada maklumat.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som A/L Inong, menjelang 31 Disember 2015, semua UA akan dibekalkan dengan jalur lebar berkapasiti 1Gbps, manakala bagi universiti penyelidikan pula, kementerian akan membekalkan jalur lebar berkapasiti 2Gbps bagi kegunaan pensyarah dan juga mahasiswa. Melalui pelaksanaan ini, kementerian berharap bahawa modul pembelajaran baharu seperti pembelajaran atas talian juga akan turut dirancakkan di semua UA bagi menyokong lonjakan sembilan dalam TPPM(PT) iaitu *massive open online courses* (MOOC), dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu bayaran balik PTPTN seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Hou Kok Chung. Kerajaan sentiasa prihatin terhadap peminjam PTPTN dan telah mengambil beberapa langkah bagi mengurangkan beban peminjam.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, saya rasa kalau Yang Berhormat itu tidak berada dalam Dewan, tidak payah jawab.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Ada.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Oh ada. Okey.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Antara langkah-langkah yang dilaksanakan seperti berikut.

- (i) pemberian rebat 10% kepada peminjam yang membayar secara konsisten dan diskaun 20% kepada peminjam yang menyelesaikan hutang secara sekali gus atau *lump sum*, dengan izin, melalui Bajet 2013 dan 2015;
- (ii) menurunkan kos pentadbiran pinjaman pendidikan PTPTN daripada 4% kepada 3% mulai 2004 dan selanjutnya kepada 1% pada Jun 2008; dan
- (iii) melaksanakan dasar pinjaman boleh ubah iaitu pengecualian bayaran balik mulai tahun 2003 bagi peminjam yang memperoleh Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian Kelas Pertama atau setarafnya.

Pada masa ini, kementerian tidak bercadang untuk memberikan pelepasan cukai kepada individu yang membayar PTPTN secara konsisten memandangkan telah ada faedah atau *benefit*, dengan izin, yang diberikan kepada peminjam yang melaksanakan bayaran balik. Sungguhpun demikian, pandangan dan cadangan daripada Ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian sewajarnya. Berkaitan biasiswa seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh. Saya rasa adakah? Tidak ada.

Jadi, saya akan memberi jawapan secara bertulis. Soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Hou Kok Chung yang berkaitan dengan kriteria dalam pembinaan *Malaysia Hall* dan cadangan untuk membina *Malaysia Hall* di Taiwan. Soalan ini sudah dijawab pada 8 Disember 2015, hari Selasa. Jadi, tidak perlu saya ulang jawapan yang sama. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin adakah? Tidak ada.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Ada? Tidak ada. Jadi, saya akan *skip*. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, di peringkat universiti, pelbagai kursus kemahiran bahasa ditawarkan kepada para pelajar sama ada sebagai kursus elektif mahupun kursus wajib. Kepentingan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua meletakkan bahasa ini sebagai kursus terpenting dan biasanya diwajibkan kepada semua pelajar universiti. Kursus bahasa Inggeris yang ditawarkan pada peringkat universiti disesuaikan mengikut keperluan semasa.

Misalnya, *English as second language*, dengan izin, *English for general academic purposes*, dengan izin, atau *English for professional purposes*, dengan izin. Selain daripada kursus bahasa Inggeris, terdapat juga bahasa asing lain yang kebiasaannya ditawarkan sebagai kursus elektif di universiti melalui pusat bahasa dan jabatan bahasa di universiti. Sebagai contoh, bahasa Arab ditawarkan di UIA dan USIM, bahasa Jepun ditawarkan di UM dan bahasa Perancis di UPM. Selain daripada itu, bagi memastikan semua graduan perubatan mempunyai tahap

penguasaan bahasa Inggeris yang baik sebagai mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee. Ada?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Vignes adakah?

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Tidak ada. Jadi, saya akan beri secara bertulis. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som A/L Inong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada dalam Dewan.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Tidak ada juga.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada, ada dalam Dewan.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Oh, ada. Saya ulangi. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som A/L Inong dan Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh. Walaupun beliau tidak ada tetapi memandangkan Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som ada, saya akan jawab secara lisan. Kemasukan kepada universiti awam adalah berdasarkan prinsip meritokrasi dengan menggunakan 9% markah akademik dan 10% markah kokurikulum. Berdasarkan prinsip meritokrasi, hanya calon atau pemohon yang memperoleh markah merit tertinggi layak dipertimbangkan dan ditawarkan tempat di UA tanpa mengira kaum, agama, jantina, keturunan, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal.

Selain itu, calon atau pemohon juga mesti memenuhi syarat am universiti, syarat khas program pengajian dan kriteria-kriteria pemilihan yang telah ditetapkan tertakluk kepada bilangan tempat yang mampu disediakan oleh UA. Terdapat program pengajian seperti program kompetitif di UA yang memerlukan calon lulus ujian temu duga dan ujian khas. Program pengajian ini memerlukan kompetensi tertentu bagi memastikan UA mendapat calon yang benar-benar berkelayakan dan memenuhi keperluan program yang dipohon.

Menyentuh mengenai kemasukan pelajar asing ke institusi pendidikan tinggi. Kementerian telah memperketatkan proses saringan permohonan kemasukan pelajar asing ke IPT melalui penubuhan Education Malaysia Global Services (EMGS) selaku pusat sehenti atau one-stop centre, dengan izin. Pemohon dari negara sub-Sahara juga dikenakan syarat tambahan iaitu mengemukakan no objection certificate, manakala bagi warga Nigeria pula, mereka perlu mengemukakan letter of good conduct, dengan izin, yang dikeluarkan oleh pihak kedutaan.

Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som A/L Inong ada kemukakan satu isu yang berkaitan dengan Universiti Teknologi Mara masih belum menerima pelajar berketurunan Siam. Kemasukan pelajar ke UiTM dikhususkan untuk pelajar bumiputera. Namun, ia turut diperluaskan kepada pelajar warganegara Malaysia berketurunan Siam. Enrolmen pelajar Siam di UiTM pada sesi 2015 hingga 2016 adalah seramai 12 orang dan berdasarkan rekod UiTM, tiga orang dari Kelantan, tiga orang dari Pahang, dua orang dari Selangor dan masing-masing seorang dari Perak, Wilayah Persekutuan Labuan, Kedah dan Terengganu.

**Dato' Boon Som A/L Inong:** Boleh saya mencelah?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Dato' Boon Som A/L Inong:** Terima kasih Menteri kerana menjawab. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Sebenarnya saya telah selidik secara terperinci kemasukan masyarakat Siam ke UiTM ini, pelajar Siam, tak ada seorang pun. Soalan daripada dulu dibangkitkan kata pelajar masyarakat Siam ada masuk UiTM tetapi sampai sekarang saya selidik, saya pergi tiap-tiap negeri- kenapa Labuan? Siam tak ada pun. Ada masuk dalam *list* kata pelajar Siam masuk dalam *list* UiTM, tak adapun. Malah, *simple thing*, enrolmen dalam *online* itu memang tak tercatat pun masyarakat Siam. Bila tak tercatat, maksudnya kemasukan itu masyarakat Siam tidak layak *for the first place*. Kalau sistem *online* sendiri tak ada tercatat bangsa Siam, itu maknanya tak boleh masuk, tak boleh pun dimasukkan dalam *online*. Terima kasih.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Jadi ini satu rekod enrolmen pelajar berketurunan Siam di UiTM dan saya kemukakan satu cadangan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som untuk mengadakan satu perjumpaan dengan Timbalan Naib Canselor di Bahagian Hal Ehwal Pelajar untuk mengesakan lagi. Sekian, terima kasih.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul, isu penyalahgunaan pas oleh pelajar juga turut ditangani secara bersama melalui beberapa buah Jawatankuasa Khas seperti Jawatankuasa Makmal Warga Asing dan Jawatankuasa Pengurusan dan Pemantauan Pelajar Antarabangsa yang dipengerusikan oleh KSU Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pendidikan Tinggi sebagai salah sebuah agensi kawal selia.

Kementerian juga sentiasa melaksanakan pemantauan pengurusan pelajar antarabangsa di IPT secara bersepadu bersama agensi kawal selia seperti Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam usaha membendung kehadiran pelajar antarabangsa yang bermasalah. Pemantauan dan penyeliaan ini merupakan program yang dijalankan secara berterusan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah mencatatkan beberapa pencapaian yang cemerlang secara berterusan, dengan izin, *soaring upwards* dan untuk tahun ini sahaja, tiga buah universiti awam bagi penarafan *QS World University Rankings*, dengan izin, tahun 2015 meningkat berbanding dengan penarafan tahun 2014 iaitu Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan buat pertama kalinya UA berjaya di kedudukan 150 buah universiti terbaik dunia iaitu universiti yang berada di kedudukan ke-146 berbanding kedudukan 151 tahun lepas. Dengan izin, *UM has broken the 150 barrier to be the top 146 universities in the world.*

Selain daripada itu, *QS World University Rankings by Subject*, dengan izin, tahun 2015 telah mengumumkan 23 daripada bidang pengajian yang diperolehi oleh UA berada di lingkungan 200 terbaik dunia dengan dua bidang berada pada aras 50

terbaik dunia iaitu USM di kedudukan ke-31 dalam bidang sains alam sekitar dan UM dalam bidang pengajian pembangunan di kedudukan ke-32.

Terbaru, pada bulan lepas, November 2015, empat UA berjaya dalam kedudukan 50 terbaik *QS World University Rankings 2015 top 50 under 50 years old*. USM berada di kedudukan ke-26 dan UTM di kedudukan ke-30 diikuti oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di kedudukan ke-32 manakala UPM di kedudukan ke-38.

Ini Yang Berhormat Senator Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee tak ada tetapi di sini saya juga hendak ambil kesempatan ini untuk memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat satu berita yang begitu membanggakan iaitu bahawa baru-baru ini dua buah universiti sudah menerima... [*Menyemak dokumen*] *Just give me a minute*. Ya, berkaitan dengan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar UA yang sebenarnya boleh dibanggakan di mana baru-baru ini pendebat dari UiTM melakar sejarah dengan menjadi johan dalam debat antarabangsa antara universiti yang dianjurkan oleh *Cambridge University*.

UiTM mengalahkan 128 buah universiti termasuk pendebat dari Universiti Oxford, Universiti Cambridge dan Universiti Harvard. Manakala UIAM pula menjadi juara bagi kategori *English as a Second Language*. UiTM menjadi juara bagi kategori utama. Jadi ini memang satu berita yang membanggakan dan membuktikan bahawa Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia adalah *soaring upwards*.

Setakat ini sahaja saya dapat menjelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pendidikan Tinggi yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, ada yang hendak mencelah.

**Dato' Boon Som A/L Inong:** Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, terima kasih atas jawapannya.

Jadi, jawapan mengenai kemasukan masyarakat Siam ke UiTM kali yang kedua, saya tanya di Dewan Negara ini. Jadi saya mintalah, saya tak salahkan Menteri



tetapi saya berharap supaya pegawai-pegawai mengambil catatan yang betul dan mengambil fakta-fakta yang betul. Hormatilah Dewan yang Mulia ini. Janganlah gunakan Dewan yang Mulia ini untuk bagi jawapan yang “melepas batok di tangga” sahaja tanpa selidik yang betul-betul. Jadi saya mintalah supaya pegawai ataupun Yang Berhormat Menteri hormatilah Dewan Negara ini, Dewan tertinggi, Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Yang Berhormat Senator, Kementerian Pendidikan Tinggi memang menghormati Dewan yang Mulia ini dan seperti yang saya sudah bagi tahu, bahawa ini rekod yang kita terima daripada UiTM. Saya juga sudah kemukakan satu cadangan untuk Yang Berhormat Senator untuk mengadakan satu perjumpaan dengan Timbalan Naib Canselor yang menjaga hal ehwal pelajar. Jadi saya rasa tak perlulah kita menjadi beremosi yang berkaitan dengan soalan atau dengan isu ini. Kita adalah semua profesional yang matang. So saya minta jasa baik Yang Berhormat Senator untuk membuat satu lawatan ke UiTM.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan. Jadi sekali lagi Kementerian Pendidikan Tinggi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas keprihatinan, perhatian, teguran dan sokongan yang berterusan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. Dengan sokongan dari Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ada keyakinan bahawa Kementerian Pendidikan Tinggi akan terus *soaring upward* hingga Malaysia gah di persada dunia. Sekian, terima kasih.